



**PERATURAN**  
**MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN**  
**(Pindaan 2016)**

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**PERATURAN  
MAJLIS TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN  
(Pindaan 2016)**

**BAHAGIAN I**

**PENDAHULUAN**

**Namadan Pemakaian**

- 1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan.
- 2 Peraturan ini hanya terpakai bagi Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

**Tafsiran**

- 3 Dalam peraturan ini, tafsiran yang digunakan adalah seperti berikut:

“Majlis” ertinya Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan;

“Urus Setia” ertinya Urus Setia Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan;

“Jawatankuasa Induk” ertinya Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan;

“Penganjur” ertinya agensi yang menguruskan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQK) iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan

“Jemaah Hakim” ertinya anggota-anggota yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk untuk menghakimi MTQK.

“Johan Menunggu” ertinya Johan MTQK setahun sebelumnya.

## **BAHAGIAN II**

### **PELAKSANAAN MAJLIS**

#### **AnjurandanKelolaan**

- 4 MTQK dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan diuruskan oleh JAKIM dengan kerjasama Kerajaan Negeri atau lain-lain agensi yang ditetapkan secara penggiliran dari semasa ke semasa. Pelaksanaannya dikelolakan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Induk Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

#### **Keanggotaan Jawatankuasa Induk**

- 5 Jawatankuasa Induk terdiri daripada keanggotaan seperti berikut:
  - a. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri;
  - b. Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal Islam;
  - c. Beberapa orang ahli yang mewakili Kementerian dan Jabatan Kerajaan berkenaan yang dilantik oleh Pengerusi;
  - d. Beberapa orang ahli daripada kalangan orang perseorangan yang dilantik oleh Pengerusi berdasarkan pengalaman dan kemahiran dalam bidang tilawah al-Quran tertakluk kepada syarat mendapat persetujuan YB Menteri terlebih dahulu mengenai bilangannya; dan
  - e. Seorang Setiausaha daripada pegawai JAKIM.
- 6 JAKIM menjadi urus setia kepada Jawatankuasa Induk.

#### **Pelantikan Jawatankuasa Kecil/ Pelaksana/ Kerja**

- 7 Jawatankuasa Induk berhak menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di bawahnya bagi tujuan membantu pelaksanaan majlis.

#### **8 Tarikh Dan Tempat Majlis Diadakan**

Tarikh dan tempat MTQK hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Induk setiap tahun, manakala Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri mestilah diadakan dalam tempoh sekurang-kurangnya sebulan sebelum MTQK diadakan

### **Pembahagian Hadiah**

- 9 Hadiah kepada peserta diberikan mengikut bahagian, iaitu Bahagian Lelaki dan Bahagian Wanita.
- 10 Hadiah-hadiah utama berupa wang tunai beserta hadiah iringan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga atau kategori lain yang diputuskan oleh Jawatankuasa Induk MTQK dari semasa ke semasa.
- 11 Setiap peserta yang tidak mendapat hadiah utama seperti di Para 10 akan diberi hadiah suguhati.
- 12 Setiap peserta yang mengambil bahagian akan diberi hadiah cenderahati dan sijil penyertaan.
- 13 Hadiah kepada pemenang utama dan peserta yang mengambil bahagian ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk.

### **BAHAGIAN III**

#### **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

##### **Peserta-peserta Majlis Tilawah**

- 14 Peserta-peserta MTQK terdiri daripada Qari dan Qariah seperti berikut:
  - a. Qari dan qariah yang mewakili negeri-negeri di Malaysia, iaitu Johan Qari dan Johan Qariah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri berkenaan; dan
  - b. Johan Menunggu Qari dan Qariah MTQK

##### **Syarat-syarat peserta**

- 15 Beragama Islam.
- 16 Warganegara Malaysia.
- 17 Berusia 18 tahun dan ke atas pada tahun penyertaannya.
- 18 Sekiranya mana-mana negeri tidak dapat menghantar wakilnya seperti di Para 14 A, seorang Qari dan Qariah lain bolehlah dicalonkan bagi mewakili negeri berkenaan dengan syarat mendapat persetujuan Penganjur.
- 19 Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran negeri yang diwakilnya berdasarkan sijil kelahiran/ kad pengenalan.
- 20 Bagi pemastautin (tempat tinggal/kerja/belajar), peserta hendaklah bermastautin di negeri yang diwakili sekurang-kurangnya satu tahun sebelum majlis diadakan dan mengekalkan penyertaan di negeri tersebut bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sebelum berpindah ke

negeri lain. Bagi kakitangan kerajaan/swasta/persendirian hendaklah mendapat pengesahan daripada majikan/Ketua Kampung/ Penghulu/Penggawa, manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua institusi pengajian berkaitan.

- 21 Peserta yang menyertai lebih dari satu Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri dalam tahun yang sama tidak dibenarkan menyertai MTQK.
- 22 Peserta yang menjadi johan di peringkat kebangsaan layak menjadi Johan Menunggu sekali sahaja. Selepas itu beliau hendaklah berehat satu tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya dan boleh menyertai majlis berikutnya dengan melalui penyertaan Majlis Tilawah Al- Quran Peringkat Negeri.
- 23 Peserta yang menjadi johan di peringkat negeri secara berturut-turut layak menyertai MTQK hanya dua kali berturut-turut. Selepas itu beliau hendaklah berehat satu tahun dari tarikh majlis terakhir yang disertainya dan boleh menyertai majlis berikutnya melalui penyertaan terus Majlis Tilawah Al- Quran Peringkat Negeri.
- 24 Peserta tidak dibenarkan menyertai MTQK selepas mendapat Johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa.
- 25 Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan rasmi Penganjur dengan lengkap dan menyerahkan kepada Urus Setia (melalui Jabatan Agama Islam Negeri) berserta satu salinan kad pengenalan, salinan buku akaun bank dan gambar terkini berukuran passport.
- 26 Penyertaan akan terbatal sekiranya mana-mana syarat di atas tidak dipatuhi

#### **Peraturan Peserta**

- 27 Peserta Qariah hendaklah tidak berada dalam keadaan uzur syar'i. Sekiranya Qariah itu uzur syar'i, maka bolehlah digantikan dengan Qariah yang menjadi naib johan atau berikutnya dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri berkenaan dengan syarat mendapat persetujuan Penganjur.
- 28 Setiap peserta dikehendaki hadir dalam majlis pengundian bagi menentukan giliran membaca dan tidak boleh mewakilkannya kecuali dalam keadaan yang amat mustahak dan mendapat kebenaran daripada urus setia.
- 29 Setiap peserta hendaklah mengundi ayat dan dua jenis Taranum Wajib untuk dibaca pada waktu yang ditetapkan sekurang-kurangnya dua jam sebelum majlis dijalankan dan tidak boleh mewakilkannya.
- 30 Keputusan undian adalah muktamad. Peserta tidak dibenarkan sama sekali menukar giliran membaca atau ayat yang hendak dibaca selepas pengundian dibua
- 31 Peserta yang tidak hadir dalam majlis pengundian atau membuat pertukaran selepas pengundian tanpa kebenaran Urus Setia boleh dibatalkan penyertaannya.
- 32 Peserta hendaklah berada di dewan majlis tilawah sekurang-kurangnya 30 minit sebelum

- majlis bermula.
- 33 Peserta yang ditetapkan giliran membaca hendaklah berada di ruang menunggu astaka 15 minit sebelum giliran membaca.
  - 34 Peserta dikehendaki membaca bermula daripada ayat yang telah diundi dalam tempoh 10 minit. Pengiraan masa bermula dari bacaan *isti'azah*.
  - 35 Qari hendaklah berpakaian baju kebangsaan lengkap manakala Qariah hendaklah berpakaian sopan dan menutup aurat ketika mempersembahkan bacaan, Majlis Perasmian Pembukaan, dan Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah. Peserta Qariah tidak dibenarkan memakai penutup muka/niqab/purdah semasa mempersembahkan bacaan dan semasa majlis penyampaian hadiah.
  - 36 Setiap peserta hendaklah mematuhi semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa.

#### **BAHAGIAN IV**

#### **PERUJIAN DAN PENGHAKIMAN**

##### **Penentuan Ayat**

- 37 Ayat-ayat yang akan dibaca oleh semua peserta dipilih oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Penganjur terdiri dari juzuk1 hingga juzuk 30 Al-Quran al-Karim.
- 38 Pemilihan ayat-ayat dan dua jenis Taranum Wajib yang ditetapkan kepada peserta ditentukan dengan cara undi, iaitu pada hari giliran peserta itu membaca.
- 39 Setiap peserta tidak dibenarkan menukar ayat-ayat yang telah ditetapkan melalui undian kepadanya.

##### **Penentuan Tarikh Bacaan dan Bilangan Peserta**

- 40 Pihak Penganjur berhak menentukan tarikh bacaan dan bilangan peserta yang membaca pada setiap malam.
- 41 MTQK dihakimi oleh Jemaah Hakim yang terdiri Seperti berikut:
  - a. Seorang Pengerusi yang dilantik oleh YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk MajlisTilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan;
  - b. Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim;
  - c. Seorang Setiausaha yang dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim; dan

- d. Sekurang-kurangnya 8 orang Ahli Jemaah Hakim yang dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim bagi mengadili bidang-bidang Tajwid, Taranum, Fasahah dan Suara

#### **Urus Setia Jemaah Hakim**

42 Jemaah Hakim dibantu oleh:

- a. Dua orang Jurukira;
- b. Dua orang Penjaga Masa;
- c. Seorang petugas mengedar, mengumpul dan menyusun borang permarkahan.
- d. Seorang petugas mengendali paparan teks Al-Quran

Semua petugas berkenaan dilantik oleh Urus Setia atas persetujuan pengerusi Jemaah Hakim

#### **43 Tugas Pengerusi Jemaah Hakim**

Pengerusi Jemaah Hakim bertanggungjawab mengatur dan mentadbir cara penghakiman yang lengkap dengan memastikan ia dijalankan secara penuh amanah dan rahsia. Di samping itu, beliau bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berikut:

- a. Memastikan penyediaan ayat-ayat pilihan, intisari ayat dan borang pemarkahan;
- b. Menentukan tarikh dan giliran peserta membaca dengan cara undi;
- c. Menentukan ayat-ayat dan dua jenis Taranum Wajib yang perlu dibaca berturut-turut oleh peserta dengan cara undian;
- d. Sentiasa berada ditempat penghakiman bagi memantau dan mengawasi perjalanan penghakiman;
- e. Mempengerusikan mesyuarat Jemaah Hakim sebelum dan selepas majlis;
- f. Melantik hakim pengganti bagi hakim yang tidak dapat hadir;
- g. Melantik hakim pengganti bagi hakim yang tidak dapat hadir;
- h. Menilai, mengesahkan dan menandatangani keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh setiap ahli jemaah hakim
- i. Melantik beberapa orang pegawai petugas Urus Setia Jemaah Hakim bagi membantu kerja-kerja berkaitan Jawatankuasa Kehakiman.
- j. Mengisytiharkan keputusan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQK); dan
- k. Pengerusi boleh, menurut budi bicaranya membuat apa-apa pindaan terhadap mana-mana keputusan sekiranya difikirkan patut dan perlu dengan persetujuan Jemaah Hakim.

### **Tugas Hakim**

- 44 Setiap hakim dikehendaki menghakimi bacaan peserta mengikut bahagian-bahagian yang ditetapkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim kepadanya.

### **Kaedah Penghakiman**

- 45 Jemaah Hakim hendaklah mengadakan satu kaedah penghakiman yang meliputi perkara-perkara berikut:
- a. Bahagian-bahagian penghakiman iaitu Tajwid, Taranum, Fasahah dan Suara;
  - b. Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam bidang-bidang penghakiman;
  - c. Kaedah pemakahan (pemotongan markah) termasuk borang permarkahan ;dan
  - d. Penentuan pemenang.
- 46 Jemaah Hakim berhak menentukan Kaedah Penghakiman di Para 46 dan boleh meminda serta membaikinya dari semasa ke semasa bagi tujuan penambahbaikan kaedah berkenaan. Kaedah tersebut dijadikan **Lampiran A** kepada peraturan ini.

## **BAHAGIAN V**

### **PENUTUP**

#### **Kuasa Jawatankuasa Induk**

- 47 Jawatankuasa Induk berkuasa membuat sebarang keputusan yang difikirkan wajar bagi perkara-perkara yang tercatat atau tidak tercatat dalam peraturan ini. Keputusan adalah muktamad.
- 48 Setiap peserta dikehendaki mematuhi Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini dan arahan-arahan lain yang dikeluarkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan peserta yang melanggar peraturan ini.

#### **Tarikh Kuatkuasa**

- 49 Peraturan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.



**KAEDAH PENGHAKIMAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

**Tujuan**

- 1 Kaedah ini bertujuan untuk membantu Jemaah Hakim Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan menjalankan tugas-tugas penghakiman dalam MTQK seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan MTQK.

**Rasional Kaedah Penghakiman**

- 2 Kaedah ini memberi panduan secara terperinci kepada semua anggota Jemaah Hakim dalam setiap tugas yang mereka lakukan dan membantu mereka melaksanakannya dengan cekap dan berkesan.

**Bahagian-Bahagian Penghakiman**

- 3 Bahagian-bahagian penghakiman adalah seperti berikut:
  - a. Tajwid dengan wajaran **35** markah;
  - b. Taranum dengan wajaran **25** markah;
  - c. Fasahah dengan wajaran **20** markah; dan
  - d. Suara dengan wajaran **20** markah.

**Bahagian Tajwid**

- 4 Perkara-perkara yang dititik beratkan dalam penghakiman bahagian Tajwid adalah seperti berikut:
  - a. Menjaga segala hukum Tajwid dengan sempurna;
  - b. Menyebut dengan betul setiap *makhraj* dan *sifat huruf* serta lain-lain dari segi tebal dan nipisnya;
  - c. Menjaga hukum-hukum *Tarqiq* dan *Tafkhim* terutama pada huruf *lam* dan *ra*’;
  - d. *Mad Asli*, *Mad Tabii* dan *Mad Badal* tetap dengan kadar panjang dua *harakat*;
  - e. *Mad Jaiz Munfasil* boleh dibaca dengan dua *harakat* atau empat *harakat* atau lima *harakat*. Setiap peserta boleh memilih salah satu daripada wajah-wajah *Mad Jaiz Munfasil* mengikut jalan (*tariq*) yang dibaca oleh peserta. Sekiranya ia memilih salah satu daripadanya, ia hendaklah meneruskan bacaannya atas wajah itu tanpa berpindah kepada wajah yang lain. Sekiranya terdapat dua *Mad Jaiz Munfasil* atau lebih dalam sesuatu ayat, maka hendaklah disamakan kadar panjang mad itu, iaitu jika dibaca dengan

- empat harakat pada *Mad Jaiz Munsafil* pertama, maka hendaklah dibaca dengan empat harakat juga pada *Mad Jaiz Munsafil* kedua, demikianlah seterusnya;
- f. *Mad Wajib Muttasil* hendaklah dibaca dengan kadar panjang empat harakat, atau lima harakat, atau enam harakat ketika *waqaf*. Kadar panjang bacaannya hendaklah diselaraskan;
  - g. *Mad Lazim* hendaklah panjang bacaannya dengan kadar enam harakat, manakala *Mad Istifham/ mad farq* boleh dibaca dengan dua wajah, iaitu bacaan *ibdal* atau *tashil*;
  - h. *Mad 'Aridh* dibaca dengan kadar panjang dua atau empat atau enam harakat ketika *waqaf* sahaja;
  - i. *Mad Silah Qasirah* hendaklah dibaca dengan kadar dua harakat, tetapi sekiranya selepas *Mad Silah Tawilah* hendaklah dibaca dengan kadar panjangnya seperti *Mad Jaiz Munfasil*;
  - j. *Ghunnah* dibaca dengan kadar dua harakat, sama ada dalam keadaan *waqaf* dan *wasal*;
  - k. Riwayat yang dijadikan asas pegangan ialah *Riwayat Hafs 'an 'Asim*;
  - l. Mengenai *isymam* dan *raum*, *saktah*, *tashil* dan *ibdal*, *naql*, *silah* dan *imalah* ialah mengikut *tariq* bacaan yang dipilih oleh peserta seperti berikut:

i. *isymam/raum*

لَا تَأْتِنَا

ii. *saktah*

عَوَجًا ① قَبِيْمًا

بَلْ رَانَ

مَرْقَدِنَا هَذَا

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ

iii. *tashil/ibdal*

ءَالِدَ كَرِيْمٍ

ءَالِلَهُ

ءَالَقِنِ

ءَاعْجَمِي

iv. *naql*

بَيْسَ الْاِسْمِ الْفُسُوقُ

v. *Silah*

فِيهِ مَهَانًا

vi. *imalah*

مَجْرِنَهَا

- m. Dapat menyempurnakan riwayat *qiraat* dan *tariq* bacaan dengan sempurna;
- n. Dapat menyamai kadar panjang hukum mad;
- o. Dapat menyempurnakan sebutan huruf dan sifatnya; dan
- p. Dapat menyempurnakan sifat-sifat *ghunnah*;
- q. Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bahagian Tajwid ialah seperti berikut:
  - i. Perkara-perkara yang dihakimi ialah:

1. bacaan mengikut *Riwayat Hafis 'a n 'A s i m Tariqal-Imamal-Syatibi/al-Imam Ibn al-Jazari*;
  2. *makhraj* dan *sifat huruf*;
  3. hukum *nun* dan *mim sakinah* dan *tanwin*;
  4. hukum *nun* dan *mim musyaddadah*;
  5. hukum *ra'* dan *lam*;
  6. hukum *saktah*, *imalah* dan *ibdal*;
  7. hukum *masdali* dan *far'i*; dan
  8. hukum-hukum tajwid yang lain.
- ii. Setiap satu kesalahan *khafi* dipotong satu markah; dan
  - iii. Setiap satu kesalahan nyata (*jali*) dipotong dua markah.
  - iv. Menamatkan bacaan dengan berbaki dua minit, dipotong dua markah, manakala jika menamatkan bacaan sebelum tempoh masa tamat, dipotong satu markah;
  - v. Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan – bacaan akan ditolak;

### **Bahagian Taranum**

5. Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam penghakiman bahagian taranum adalah seperti berikut:
  - a. Menggunakan taranum dengan empat (4) jenis taranum termasuk dua (2) jenis Taranum Wajib tanpa mengira jenis taranum yang dimulakan;
  - b. Setiap *taranum bil-Quran* hendaklah disempurnakan secara teratur sekurang-kurangnya dalam empat (4) *harakat* tanpa bercampuraduk atau *takrir*;
  - c. Setiap *taranum bil-Quran* hendaklah dibawa dalam tiga tingkatan (*tabaqat*) *suara iaitu*:
    - i. rendah, sederhana dan tinggi; atau
    - ii. sederhana, tinggi dan tertinggi.
  - d. Setiap taranum hendaklah dibawa secara sempurna sekurang-kurangnya empat (4) harkat tanpa bercampur aduk antara satu sama lain kecuali *wuslah al-mumathalah*;
  - e. Menunaikan *wuslahal-mumathalah* sekurang-kurangnya sekali dalam satu bacaan;
  - f. Setiap taranum yang dibawa pada ayat yang akhir (penutup) hendaklah sama dengan taranum yang dibawa pada ayat permulaan, iaitu sebelum berakhir tempoh masa yang ditetapkan;
  - g. Taranum yang mempunyai *lahjah Arab* dan *qit'ah-qit'ah* yang menarik;
  - h. Mempunyai kecekapan membawa *taranum bil-Quran* lain selain daripada *taranum wajib*, sekurang-kurangnya dalam dua *harakat* dalam tempoh bacaan yang ditentukan;
  - i. Setiap *taranum* mengandungi lebih daripada empat (4) *harakat yang sempurna dan menarik*;

- j. *Taranum* yang mempunyai unsur-unsur tersendiri tanpa meniru mana-mana Qari yang masyhur;
- k. Dapat menyesuaikan *taranumbil-Quran* dengan kehendak makna ayat tanpa lari daripada kaedah Tajwid dan Usul;
- l. Membawa *burdah-burdah taranum bil-Quran* yang menarik;
- m. Setiap persembahan taranum hendaklah disempurnakan empat tabaqat;
- n. Bacaan yang mempunyai *salalim nuzul* atau *salalim su'ud* yang menarik pada setiap taranum dalam mana-mana *harakat*;
- o. Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang *taranum bil- Quran* ialah seperti berikut:
  - i. Membaca kurang daripada empat jenis taranum – setiap satu taranum wajib yang ditinggalkan dipotong empat markah;
  - ii. Tidak membaca dua jenis taranum yang ditetapkan, setiap satu daripada dua taranum yang ditinggalkan dipotong empat markah;
  - iii. Membaca kurang daripada empat *harakat* bagi setiap taranum – setiap satu *harakat* yang kurang dipotong satu markah;
  - iv. Tidak membawa tiga *tabaqat* bagi setiap taranum – setiap satu *tabaqat* yang tidak dibawa dipotong satu markah;
  - v. Sumbang yang merosakkan taranum – setiap satu kesalahan dipotong satu markah;
  - vi. Terputus nafas yang merosakkan taranum – setiap satu kesalahan dipotong satu markah;
  - vii. Taranum yang bercampur aduk – setiap satu kesalahan dipotong satu markah;
  - viii. *Takrir* pada taranum – setiap satu kesalahan dipotong satu markah;
  - ix. *Takrir* pada *harakat* – setiap satu kesalahan dipotong satu markah;
  - x. Meniru sepenuhnya bacaan mana-mana Qari yang mashyur – dipotong satu markah;
  - xi. Tidak membawa satu *wuslahal – mumathalah* dan *ikhtilalal – lahn* bagi satu bacaan – dipotong satu markah;
  - xii. Taranum penutup tidak sama dengan taranum pembukaan – dipotong satu markah;
  - xiii. Jika berulang-ulang pada kesalahan yang sama, hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah.
  - xiv. Setiap satu taranum pilihan yang ditinggalkan, dipotong empat markah;
  - xv. Setiap satu taranum wajib yang ditinggalkan, dipotong separuh daripada markah penuh bahagian taranum;
  - xvi. Menamatkan bacaan dengan berbaki dua minit, ditolak dua markah, manakala jika menamatkan bacaan sebelum tempoh masa tamat, ditolak satu markah;
  - xvii. Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan – bacaan akan ditolak;

- xviii. Meniru sepenuhnya lagu pada ayat yang sama dibaca oleh mana-mana Qari yang mashyur – dipotong tiga markah;
- xix. Tidak membaca dua jenis Taranum Wajib secara berturut-turut - setiap satu kesalahan dipotong empat markah; dan
- p. Sekiranya peserta mempunyai kecekapan membawa taranum lain selain daripada Taranum Wajib, sekurang-kurangnya dalam dua *harakat* secara sempurna dalam tempoh bacaan yang ditentukan, maka hakim berkenaan boleh memberi satu markah beserta catatan;

### **Bahagian Fasahah**

- 6 Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam penghakiman bahagian Fasahah adalah seperti berikut:
  - a. Cermat dan fasih dalam bacaan;
  - b. Mahir menyebut kalimah-kalimah dan ayat-ayat;
  - c. Terpelihara segala huruf, *harakat* (baris) dan *tasydid*;
  - d. Menepati *waqaf* dan *ibtida'* termasuk *Waqaf Jibril* atau *Waqaf Nabawi*;
  - e. Bacaan menurut *lahjah Arab Fusha*;
  - f. Bacaan sederhana, tidak terlalu cepat atau terlalu lambat;
  - g. Tidak bercampuradukan tara bacaan *tartil* dan *tadwir*;
  - h. Bacaan dengan *lahjah Arab*;
  - i. Bacaan yang cermat dan *bertadabbur*;
  - j. Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang Fasahah adalah seperti berikut:
    - i. Tersalah memulakan bacaan atau ayat yang ditetapkan – dipotong tiga markah;
    - ii. Menamatkan bacaan dengan berbaki dua minit, ditolak dua markah, manakala jika menamatkan bacaan sebelum tempoh masa tamat, ditolak satu markah;
    - iii. Tertinggal atau melangkaui ayat semasa dalam bacaan –dipotong lima markah;
    - iv. Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan – bacaan ditolak (tiada markah);
    - v. Jika berulang – ulang pada kesalahan yang sama, hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah; dan
    - vi. Jika berulang – ulang kesalahan nyata (*jail*) atau tiada kelancaran yang berterusan maka markah Fasahah dibatalkan (tidak diberi markah).

### **Bahagian Suara**

- 7 Perkara-perkara yang dititikberatkan dalam penghakiman bahagian Suara adalah seperti berikut:

- a. Kebersihan, kelicinan dan kelancaran suara;
- b. Kemanisan dan kelembutan suara;
- c. Suara terang, nyata, lantang dan tajam;
- d. Suara yang tidak berubah-ubah dari mula bacaan hingga ke akhirnya walaupun ada tekanan suara turun dan naik semasa membaca;
- e. Ketepatan nada suara pada taranum yang dibaca;
- f. Suara yang mempunyai *lahjah* Arab *fushah*;
- e. Suara yang mempunyai keempat-empat *tabaqat* dengan selesa; (Mesyuarat Jemaah Hakim)
- f. Suara yang bergerak dengan sesuai dan dapat menghidupkan rentak-rentak suara;
- g. Suara yang licin, lembut, terang dan jelas semasa tekanan suara tinggi, rendah dan sederhana;
- h. Suara yang mempunyai getaran dan *burdah* yang menarik; dan
- i. Dapat mengawal sepenuhnya alunan suara dengan selesa semasa nyaring dan semasa perlahan;
- j. Kaedah dan peraturan pemotongan markah dalam bidang Suara adalah seperti berikut:
  - i. Suara parau yang merosakan – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - ii. Suara sumbang yang merosakkan – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - iii. Suara tenggelam – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - iv. Suara pecah dan terputus-putus – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - v. Suara tersepit atau tercekik – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - vi. Suara terketar-ketar kerana terlampau tinggi atau terlampau rendah – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - vii. Suara yang tidak cukup empat *tabaqat* – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama; (Mesyuarat Jemaah Hakim);
  - viii. Suara lemah dan kelembapan – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
  - ix. Suara yang keras dan kaku – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama; dan
  - x. Suara yang berubah kualiti – Satu markah dipotong bagi setiap kesalahan yang sama;
- k. Jika berulang-ulang pada kesalahan yang sama, hendaklah dipotong markahnya dengan kadar tidak melebihi lima markah.
- l. Menamatkan bacaan dengan berbaki dua minit, ditolak dua markah, manakala jika

- menamatkan bacaan sebelum tempoh masa tamat, ditolak satu markah;
- m. Tidak membaca ayat atau surah yang telah ditetapkan – bacaan akan ditolak;

## **KAEDAH PEMARKAHAN**

### **Borang Pemarkahan**

- 8 Borang pemarkahan yang disediakan oleh Penganjur sahaja dikira sah bagi kegunaan dalam majlis ini. Contoh borang pemarkahan seperti di LAMPIRAN

### **Cara Mengisi Borang**

- 9 Semasa majlis dijalankan, perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian oleh para hakim ketika mengisi borang pemarkahan, iaitu:
- b. Tiap-tiap satu kesalahan pada satu-satu bahagian hendaklah dipotong markah yang ditetapkan daripada markah penuh yang diperuntukkan bagi bahagian itu;
  - c. Kesalahan yang diulang pada tempat yang sama tidak dikira sebagai satu kesalahan baru;
  - d. Setiap kesalahan hendaklah dinyatakan dalam borang pemarkahan;
  - e. Bacaan akan terbatal sekiranya peserta tidak membaca ayat yang telah ditetapkan; (mesyuarat jemaah hakim)
  - f. Hakim hendaklah menggunakan pen dakwat apabila mengisi borang pemarkahan; dan
  - g. Borang pemarkahan ditandatangani oleh hakim yang berkenaan.

### **Jurukira**

- 10 Urusan pengiraan markah dan menyediakan daftar keputusan dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua jurukira yang dilantik oleh Pengerusi Jemaah Hakim.

### **Penentuan Pemenang**

- 11 Bagi menentukan pemenang, Jemaah Hakim akan berpandukan kepada perkara-perkara berikut:
- a. Peserta yang dapat markah tertinggi akan menyandang tempat pertama, dan yang kedua tertinggi mendapat tempat kedua dan begitulah seterusnya;
  - b. Sekiranya berlaku persamaan markah antara dua orang peserta atau lebih, maka hendaklah dirujuk kepada markah bahagian Tajwid, iaitu peserta yang memperoleh markah Tajwid lebih tinggi dikira sebagai pemenang. Sekiranya masih terdapat persamaan, maka hendaklah dirujuk kepada markah bahagian Taranum dan seterusnya markah Fasahah dan Suara. Sekiranya masih juga terdapat persamaan, Jemaah Hakim hendaklah membuat undian secara yang terbaik;

- c. Bagi menentukan tempat kedua dan ketiga, Jemaah Hakim hendaklah mengikuti kaedah seperti penentuan tempat pertama yang dinyatakan di atas; dan
- d. Johan antara negeri hendaklah ditentukan mengikut jumlah markah yang diperolehi oleh Qari dan Qariah yang mewakili sesebuah negeri dengan syarat salah seorang daripadanya mendapat sekurang-kurangnya tempat ketiga. Dalam segi ini, Qari dan Qariah yang menyertai majlis sebagai Johan Menunggu dianggap tidak mewakili mana-mana negeri.

## **PENUTUP**

- 12 Kaedah penghakiman ini menjadi panduan kepada setiap anggota Jemaah Hakim melaksanakan tugas masing-masing dengan teratur dan sistematik. Ia juga dapat membantu Jemaah Hakim menjalankan tugas-tugas penghakiman dalam MTQK seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dengan cekap dan berkesan.